

CNS8961

UGB 15-07 00200 BB177

bah

KELANTAN DIMINTA BERI JAMINAN TAX GANGGU KERJA PROJEK PERGAU

Mahathir - Pergau

KUALA TRENGGANU, 15 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan hanya meneruskan projek hidraulik elektrik Pergau jika ada pengakuan daripada kerajaan Kelantan yang ia tidak akan mengganggu lagi perjalanan kerja projek itu.

Bercakap kepada pembertua selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet di Wisma Darul Iman di sini, Perdana Menteri berkata, sungguhpun kerajaan Kelantan telah menarik balik sekatan di jalan-jalan masuk ke projek itu, jemaah menteri berpendapat projek itu tidak akan diteruskan selagi tiada jaminan tersebut.

+Kabinet membuat keputusan hanya kerja-kerja penyelenggaraan, umpamanya untuk pnm air supaya tidak runtuh dan sebagainya, diteruskan.. kerja lain tidak akan diteruskan sehinggalah kita dapat pengakuan dan kita putus perjanjian dengan kerajaan Kelantan bahawa tidak adalagi tindakan sebegini, + katanya .

Persidangan akhbar itu turut dihadiri oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud serta Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Kelantan diberikan tempoh sebulan untuk menyatakan pengakuan itu dalam perjanjian, kerajaan telah meminta supaya proses rundingan dipercepatkan agar projek itu dapat diteruskan. -- Lagi

▼15/07/14-50MST

UGB 15-07 00171 BB179

bah

Mahathir - Pergau 2 Kuala Terengganu

Sejak 4 Julai, kerajaan Kelantan telah menutup empat jalan utama ke projek berharga \$1,300 juta itu atas alasan perjanjian mengenainya belum ditandatangani. Kerajaan negeri juga dilaporkan menuntut pampasan \$90 juta.

Bagaimanapun, excó negeri memutuskan untuk menarik balik arahan sekatan itu setelah satu perbincangan diadakan antara kerajaan negeri dengan Tenaga Nasional Berhad yang diketuai pengerusinya, Tan Sri Ani Arope semalam.

Anwar pula memberitahu pemberita bahawa kerajaan bersedia menghadapi sebarang masalah dan risiko dalam menyelesaikan isu projek itu.

+Kerajaan tidak akan menolak apajuga kemungkinan, termasuk memindahkan projek itu ke tempat lain, + kata beliau.

Mengenai kadar pembayaran, Anwar berkata, kerajaan pusat bersetuju agar kerajaan Kelantan dibayar \$117 juta dalam tempoh 35 tahun.

Menurutnya tuntutan kerajaan Kelantan mendapatkan pampasan \$90 juta dan kadar pembayaran \$330 juta dalam tempoh 50 tahun ditolak.

+Yang kita setuju hanya \$117 juta, yang kita anggap munasabah dan tentunya mengambil kira kadar pada tahun 1992 dan berikutnya, + katanya --
Lagi

▼15/07/15-23MST

bah

Mahathir - Pergau 3 Kuala Terengganu

Anwar berkata, kerajaan pusat akan memastikan bahawa beberapa kos kerugian yang dialami akan dibayar sebahagiannya oleh Kerajaan Kelantan yang menimbulkan kerumitan itu, sebagai satu syarat untuk menyambung semula projek itu.

Perdana Menteri pula selanjutnya berkata walaupun \$400 juta telah dihelanjakan untuk projek itu, kerajaan sanggup menghadapi risiko tidak meneruskan projek itu.

+Jika projek itu diteruskan dengan tambahan perbelanjaan sebanyak \$600 juta atau \$700 juta lagi dan berlakunya perkara lain, komitmen kerajaan pusat akan menjadi banyak, dan pada ketika itu kerajaan tidak ada fleksibiliti untuk meneruskannya.

+Ini akan menjadi satu tekanan kepada kita kerana kita tidak mahu lagi menghadapi tindakan berhenti kerja... sebab itu kita nak selesaikannya terus, katanya.

Beliau berkata kerajaan Kelantan harus memberi pengangkutan tidak lagi akan menghalang kerja-kerja dan segala masalah yang timbul hendaklah diselesaikan secara rundingan. -- Lagi

▼15/07/15-49MST

CNS9018

U GB 15-07 00034 BB181

bah

Mahathir - Pergau 4 (Akhir) Kuala Terengganu

TNB telah diarah memaklumkan kepada syarikat yang menendalikan peminannitu untuk masuk ke tapak projek bagi mengawal, menjaga dan menyelenggara.

Anwar pula berharap perundingan dapat diselesaikan pada mesyuarat Lembaga Pengarah TNB 23 Julai ini atau kalau boleh, disegerakan sebelum ini untuk menjaga kepentingan awam.

Akibat tindakan kerajaan Kelantan itu, syarikat induk projek berkenaan, Kerjaya Belfour Beatty Cementation (KBBC), dilaporkan mengeluarkan notis berhenti kerja kepada 500 pekerjanya manakala 1,500 pekerja kontraktor kecil turut menerima nasib yang serupa. -- Bernama

▼15/07/16-22MST